

hanyut ditenggelami air.

Haiwan-haiwan itu juga ada yang mengalami tekanan dan trauma.

Berkesempatan membuka klinik veterinar bergerak di dua lokasi banjir, pasukan ini berjaya memberi rawatan kepada 746 ekor haiwan di Sri Muda, Shah Alam, manakala 850 ekor lagi di Nanding, Hulu Langat, Selangor.

"Seperti manusia, haiwan juga perlu mendapat perhatian dan kami terpanggil untuk membantu haiwan terjejas. Rawatan yang ditawarkan klinik ini seperti yang telah dipersetujui dalam jawatankuasa iaitu rawatan assas seperti vaksin, pemberian ubat cacing, kutu dan pemeriksaan biasa."

"Jenis haiwan yang dirawat di sini adalah pelbagai dan tidak tertumpu kepada satu-satu jenis haiwan semata-mata, apa sahaja yang dibawa kami akan periksa. Jika ia memerlukan rawatan rapi, barulah haiwan tersebut dihantar untuk menjalani rawatan di hospital."

"Mengambil contoh kes banjir di Hulu Langat yang mana seekor anjing mengalami luka teruk sehingga berulat. Disebabkan rawatan tidak boleh dilakukan di van bergerak, anjing itu dibawa ke hospital untuk menjalani rawatan lanjut sehingga sembuh," kongsinya.

Pun begitu, menurutnya lagi, tidak tertumpu kepada rawatan semata-mata, misi utama van bergerak itu masih lagi kepada mahu memberi pendedahan dan mendidik orang awam tentang vaksin dan pengkasian dalam kalangan haiwan.

Tambahan pula, buat masa ini van tersebut digerakkan secara berkala mengikut peruntukan dana yang diterima, selain program mengikut keperluan masyarakat.

Sementara itu, Dr. Nurul Hayah pula berkata, kewujudan van tersebut dilihat sebagai ikon fakulti veterinar yang membolehkan lebih ramai masyarakat maklum akan fungsi dan peranan fakulti tersebut.

Ia sekali gus membolehkan mereka memanjangkan lagi program pengembangan veterinar dengan masyarakat luar terutamanya dalam perkara-perkara melibatkan kesejahteraan haiwan.

"Kita hidup dalam komuniti yang pelbagai, ada yang prihatin dan sebaliknya. Jadi, menerusi platform inilah, kita boleh menganjurkan lebih banyak program pengembangan.

"Pengembangan veterinar ini luas perspektifnya dan salah satu daripadanya yang mahu kami tekankan adalah program penjagaan



**PULUHAN** penduduk di sekitar Lembah Klang yang terkesan dengan banjir mendapatkan rawatan untuk haiwan peliharaan mereka pada hujung tahun lalu.



Jenis haiwan yang dirawat di sini adalah pelbagai dan tidak tertumpu kepada satu-satu jenis haiwan semata-mata, apa sahaja haiwan yang dibawa kami akan periksa."

**DR. FARINA**

dan pengkasian haiwan kesayangan mahupun terbiar, kerana itulah antara perkara yang penting dan berlaku sepanjang hayat.

"Orang awam perlu faham, menjaga haiwan ini perlu datang dengan tanggungjawab dan ada tata caranya. Justeru, menerusi pengembangan ini, kami boleh membuat perkongsian untuk memberi pendedahan dan pemahaman lanjut kepada individu mengenai hal-hal berkaitan haiwan," katanya.

Mengambil contoh program pengkasian, jika masyarakat sedar kepentingannya, ia dapat mengelakkan kucing terbiar daripada bertambah.

Seperti di UPM sendiri, mereka menganjurkan program Prokasih iaitu projek perkasian haiwan terbiar yang merupakan inisiatif pelajar sejak 2008.

Bagaimanapun, melihatkan manfaat dan sambutan diterima daripada masyarakat sekeliling, program tersebut diteruskan sehingga ke hari ini oleh pensyarah dan para pelajarnya.

Menurut Dr. Chen Hui Cheng, inisiatif tersebut bertujuan menjaga kebijakan haiwan terutamanya haiwan terbiar. Salah satunya dengan program-program yang mendidik dan memberi kesedaran kepada masyarakat.

"Kita pergi ke sekolah dan komuniti. Kita sebarkan kepada orang awam serta pelajar bagaimana cara penjagaan haiwan yang betul, kerana sekarang banyak sangat isu berkaitan haiwan terbiar. Jadi, sebagai salah satu cara yang boleh dilakukan adalah dengan memberi pendedahan, terutamanya tentang program kasi.

"Ada yang bertanya adakah dengan kasi itu ia akan menyebabkan haiwan kesakitan? Sebenarnya tidak, kerana haiwan dibius terlebih dahulu. Perkara inilah yang perlu didekahkan kepada masyarakat," ujarnya.



**SELAIN** rawatan, klinik bergerak ini menumpukan program pengembangan untuk mendidik masyarakat tentang penjagaan haiwan yang betul.



**DR. JALILA**

## Didik masyarakat penjagaan haiwan

MAHU menjalankan lebih banyak program pengembangan dan pemeriksaan kesihatan haiwan peliharaan serta terbiar, itu antara hasrat Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Putra Malaysia pada 2023 terhadap klinik bergerak tersebut.

Timbalan Dekannya, Prof. Dr. Jalila Abu berkata, dewasa ini program-program seumpama itu jarang didekahkan kepada umum.

Justeru inisiatif yang diusahakan fakulti itu dilihat bukan sahaja mampu merawat haiwan memerlukan, bahkan mendidik masyarakat tentang penjagaan haiwan dengan betul.

"Dekan fakulti kami, Prof. Dr. Abdul Rahman Omar memberi sokongan penuh kepada aktiviti yang memberikan sumbangan kepada orang ramai. Menerusi program pengembangan yang dijalankan, kami dapat lihat ia telah memberi impak besar kepada masyarakat, terutamanya dalam aspek penjagaan haiwan.

"Biarpun buat masa ini kami bergerak menggunakan sebuah van, tetapi individu yang menggerakkannya itu sangat ramai sehingga ia dapat memberi impak besar kepada masyarakat.

"Bahkan, dengan van inilah orang lebih menyedari kewujudan hospital veterinar dan fakulti serta program dianjurkan," katanya.

Bergerak menggunakan dana Hospital Veterinar Universiti, beliau berharap agar fakulti tersebut memperoleh kemudahan bas satu hari nanti bagi membolehkan lebih banyak haiwan komuniti diperiksa dan dirawat.

Baginya, kewujudan ruang yang lebih besar dalam bas, selain peruntukan dana mencukupi, ia bukan sahaja membolehkan mereka menjalankan lebih banyak program pengembangan dengan masyarakat luar, bahkan dibawa sehingga ke peringkat kebangsaan.